



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Emel : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

11 Julai 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,  
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT  
SULONG BERHUBUNG LAPORAN MEDIA MENGENAI  
LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG TUNTUTAN  
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN  
PERKHIDMATAN (GST) BERJUMLAH RM19.4 BILION**

- 1) Saya amat kesal dengan laporan media bertajuk ‘BN guna bayaran balik GST tampung perbelanjaan, dedah panel’ yang disiarkan di portal *The Malaysian Insight*, hari ini.
- 2) Laporan media itu jelas tidak tepat malah mengelirukan kerana ia langsung tidak menepati apa yang dibincangkan dan diputuskan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen secara keseluruhannya selepas bermesyuarat selama 11 bulan.
- 3) Pada masa sama, pendedahan media berkenaan yang memetik Laporan PAC itu juga jelas tidak menghormati kerahsiaan laporan Jawatankuasa ini, yang masih berstatus rahsia sehingga ia dibentangkan di Dewan Rakyat, Selasa depan, sekali gus menjadi dokumen awam.

- 4) Sehubungan itu, saya memohon rakan-rakan media supaya bersabar menunggu Laporan PAC berhubung Tuntutan Tuggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion sebelum membuat sebarang laporan mengenai isu ini.
- 5) Selain itu, orang ramai juga boleh membaca laporan ini dengan memuat turunnya daripada laman web PAC Parlimen di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac) pada hari yang sama ia dibentangkan.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini Ahmad  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)  
Parlimen Malaysia